



Syarat-syarat Penyertaan Pertandingan Mencipta Video Merdeka

PENGENALAN

Pertandingan Mencipta Video Merdeka merupakan satu pertandingan kandungan terbitan tempatan terbaik. Kandungan yang disertakan untuk pertandingan ini adalah dalam bentuk dokumentari, sketsa pendek, iklan atau mesej khidmat awam. Tema bagi pertandingan ini adalah "ICT dan Kemerdekaan"

Pertandingan ini adalah terbuka kepada kesemua pelajar sekolah menengah di seluruh Malaysia. Jangka masa (durasi) bagi setiap penyertaan adalah di antara 3 – 5 minit dan pada umumnya bertemakan kemerdekaan dan kemajuan ICT dengan membawa mesej semangat 1Malaysia.

Objektif bagi pertandingan ini adalah seperti berikut:

1. Memupuk minat dan kreativiti di kalangan remaja Malaysia dalam mempromosi perpaduan dan semangat 1Malaysia melalui ICT (cth: penciptaan video);
2. Mencetus keterujaan dikalangan remaja Malaysia terhadap potensi dan peluang dalam industri kandungan kreatif;
3. Mendidik para pelajar tentang semangat patriotik dan menghargai sumbangan kemerdekaan terhadap kemajuan Negara

Durasi Penyertaan : 3-5 Minit

Tarikh Mula Penyertaan : 1 Ogos 2011

Tarikh Tutup Penyertaan : 7 September 2011

SYARAT PENYERTAAN

A. Maklumat Peraduan:

1. Pertandingan Mencipta Video Merdeka adalah inisiatif dari Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dengan kerjasama dari Kementerian Pelajaran Malaysia.
2. Pertandingan ini dibuka dari 1 Ogos 2011 hingga 7 September 2011.
3. **Tema** bagi produksi adalah **ICT DAN KEMERDEKAAN** dan mestilah **berbahasa Malaysia**.

B. Kelayakan Pertandingan

1. Pertandingan Mencipta Video Merdeka ini terbuka kepada para pelajar sekolah menengah di seluruh Malaysia
2. Pelajar yang ingin menyertai mestilah warganegara Malaysia

C. Terma dan syarat pertandingan

1. Penyertaan adalah secara berkumpulan dan setiap kumpulan hendaklah terdiri daripada empat (4) orang pelajar.
2. Penyertaan mesti dihantar selewat-lewatnya pada **7 September 2011** kepada Sekretariat Pertandingan seperti yang dinyatakan di bawah. Penyertaan yang tiba lewat daripada tarikh tutup tidak akan diterima.
3. Penyertaan hendaklah diantara **3-5 minit**.
4. Penyertaan boleh dihantar dalam bentuk dokumentari, sketsa pendek, iklan atau mesej khidmat awam.
5. Penyertaan hendaklah memaparkan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia dan tidak menyinggung mana-mana pihak.
6. Produksi mestilah karya asal pemohon dan tidak pernah menyertai di dalam mana-mana festival filem/video peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
7. Setiap kumpulan boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
8. Penyertaan adalah percuma.
9. Bukti penghantaran tidak dianggap bukti penerimaan. **Surat pengesahan rasmi penerimaan** akan dikeluarkan oleh Sekretariat Pertandingan Mencipta Video Merdeka kepada pihak Sekolah.
10. Sekretariat berhak menolak penyertaan yang **tidak lengkap**.
11. Salinan DVD dan bahan-bahan lain yang diterima tidak akan dikembalikan.
12. Penyertaan akan dibatalkan sekiranya didapati hasil karya yang dikemukakan tidak asli/diciplak.
13. Kemenangan peserta akan dibatalkan dan hadiah-hadiah yang diterima akan ditarik balik sekiranya hasil karya tidak asli/diciplak.
14. **Keputusan Panel Juri adalah muktamad**. Sebarang surat menyurat tidak akan dilayan.
15. Hakcipta produksi adalah hakmilik peserta. Peserta mestilah membenarkan Pertandingan Mencipta Video Merdeka menggunakan produksi tersebut bagi tujuan promosi dan siaran sebelum, semasa dan selepas pertandingan.

16. Peserta juga mestilah membenarkan suntingan dibuat terhadap video penyertaan bagi tujuan penyiaran.
17. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap apa jua bentuk tuntutan berkaitan dengan produksi terhadap peserta oleh mana-mana pihak yang berkenaan.
18. **Borang Penyertaan lengkap hendaklah disertakan dengan:**
 - a. Biodata peserta
 - b. 2 salinan DVD produksi yang telah dilabel (lihat contoh seperti di borang penyertaan)
 - c. Perakuan dari pihak Sekolah
 - d. Perakuan penyertaan adalah kerja asli
19. **Penyertaan perlu dihantar melalui perkhidmatan pos atau kurier ke alamat berikut:**

Sekretariat Pertandingan Mencipta Video Merdeka
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan

HADIAH

Hadiah tempat pertama	: RM5, 000 untuk setiap kumpulan beserta Ipad2, Piala dan sijil penyertaan setiap seorang
Hadiah tempat kedua	: RM3, 000 untuk setiap kumpulan beserta iPhone4, Piala dan sijil penyertaan setiap seorang
Hadiah tempat ketiga	: RM2, 000 untuk setiap kumpulan beserta kamera digital, Piala dan sijil penyertaan setiap seorang
Hadiah saguhati X 7	: RM500 untuk setiap kumpulan beserta sijil penyertaan untuk setiap seorang

PERTANYAAN

Untuk pertanyaan / keterangan lanjut, sila hubungi:

Sekretariat

Pertandingan Mencipta Video Merdeka

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

No Telefon : 03 8688 8424 / 03 8688 8289

No Faks : 03 8688 1006

Emel : videomerdeka@cmc.gov.my

Web : <http://www.skmm.gov.my>

D. Label DVD Produksi

1. Setiap DVD hendaklah mengandungi butiran seperti Tajuk produksi, Nama Ketua Kumpulan dan Nama sekolah yang ditulis menggunakan Pen Marker dakwat kekal di atas DVD berkenaan.



Contoh:

